



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI ISHAM BIN ISHAK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**DIBACAKAN OLEH
YBHG. DATO' SRI NORAZMAN BIN AYOB
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PENGURUSAN
RACUN PEROSAK LESTARI TAHUN 2025
'Kesedaran Risiko Racun Perosak, Asas Pertanian Mampan'**

**3 NOVEMBER 2025 | ISNIN
DEWAN B, MAEPS, SERDANG**



1. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam hormat daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak. Beliau menyampaikan permohonan maaf kerana tidak dapat hadir bersama-sama pada pagi ini disebabkan urusan rasmi di Parlimen. Maka, dengan izin, saya akan membacakan teks ucapan beliau.
2. Pertama sekali, marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya-Nya, kita semua dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis Perasmian Seminar Pengurusan Racun Perosak Lestari Tahun 2025 yang bertemakan “Kesedaran Risiko Racun Perosak, Asas Pertanian Mampan.”
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Pertanian atas penganjuran seminar ini yang menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan seperti penggubal dasar, penyelidik, pengusaha industri, pengedar hingga ke petani dan pengguna di lapangan.
4. Tema yang diketengahkan amat bertepatan dengan keperluan semasa sektor pertanian, khususnya apabila industri agrokimia terus menunjukkan perkembangan pesat dengan nilai perdagangan racun perosak di Malaysia pada tahun 2024 melebihi RM2.54 bilion, meningkat sebanyak 6.65 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dari segi kuantiti, penggunaan racun perosak turut menunjukkan peningkatan sebanyak 21

peratus, selaras dengan trend kenaikan penggunaan racun di peringkat global.

5. Perkembangan ini menuntut pengurusan serta kawal selia yang lebih cekap, beretika dan berasaskan sains bagi memastikan pertumbuhan sektor pertanian terus menyokong keselamatan makanan negara tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar.

Sidang hadirin sekalian,

6. Kementerian melalui Jabatan Pertanian terus memperkukuh pelaksanaan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) bagi mengurangkan kebergantungan kepada racun kimia berisiko tinggi. Dalam tempoh RMKe-12, sebanyak RM1.1 juta telah diperuntukkan di bawah Program Pemantapan Biosekuriti Tanaman Makanan bagi meningkatkan kemahiran petani dalam pelaksanaan IPM, memberi manfaat kepada 1,000 usahawan tani di seluruh negara.
7. Melalui program ini, petani didedahkan kepada kaedah kawalan perosak bersepadu yang menekankan penggunaan alternatif bukan kimia seperti kawalan biologi, mekanikal dan amalan agronomi baik, manakala penggunaan racun kimia hanya dijadikan pilihan terakhir yang dilaksanakan secara berhemah dan berasaskan keperluan sebenar di ladang.

8. Selaras dengan komitmen ini, Lembaga Racun MakhluK Perosak (LRMP) turut melaksanakan semakan semula perawis aktif Kelas I dan II bagi pengharaman secara berperingkat, demi menjamin keselamatan pengguna serta kelestarian ekosistem pertanian negara. Usaha ini selaras dengan dasar kerajaan dalam memacu pertanian hijau dan mampan di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dan aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan keseimbangan antara produktiviti, kesejahteraan rakyat dan pemeliharaan alam sekitar.
9. Dalam masa yang sama, penguatkuasaan undang-undang melalui Akta Racun MakhluK Perosak 1974 terus diperkukuh bagi membanteras penyalahgunaan dan pengedaran racun perosak tidak berdaftar. Sejak tahun 2020 hingga Ogos 2025, Jabatan Pertanian melalui Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan telah melaksanakan lebih 4,300 operasi pemeriksaan dan serbuan, dengan nilai rampasan berjumlah RM3.2 juta, melibatkan pelbagai jenis racun perosak haram dan tiruan yang dijual di pasaran terbuka mahupun secara dalam talian.
10. Sehubungan itu, saya ingin menyeru orang ramai agar tidak membeli racun perosak daripada sumber tidak sah atau platform e-dagang yang mencurigakan. Pembelian produk tidak berdaftar bukan sahaja melanggar undang-undang, tetapi turut menjejaskan keselamatan pengguna dan hasil tanaman.

11. Kementerian juga sedang bekerjasama rapat dengan penyedia platform dalam talian seperti Shopee, Lazada dan TikTok Shop untuk menurunkan iklan dan menutup akaun penjual racun haram, di samping memperkuat mekanisme pemantauan digital bersama pihak berkuasa kawal selia.

Sidang hadirin sekalian,

12. Di peringkat ASEAN, melalui Mesyuarat Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) ke-45, semua negara anggota telah bersetuju untuk secara progresif mengurangkan penggunaan *Highly Hazardous Pesticides* (HHPs). Selaras dengan komitmen global dan panduan FAO/WHO, sebanyak sembilan (9) bahan aktif racun perosak HHPs telah diputuskan untuk diharamkan secara berperingkat dari tahun 2025 hingga 2030.
13. Pengharaman ini dilaksanakan melalui pendekatan berasaskan bukti saintifik (evidence-based) setelah menilai sepenuhnya kesan terhadap kesihatan awam, keselamatan makanan, perdagangan dan kelestarian alam sekitar. Langkah ini juga membuka ruang kepada industri untuk berinovasi dalam pembangunan produk alternatif yang lebih selamat dan mesra alam seperti biopestisid, agen kawalan biologi serta amalan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM).
14. Kepada pihak industri, saya menyeru agar memainkan peranan lebih aktif dalam mempercepatkan peralihan kepada penggunaan input pertanian yang selamat dan lestari.

Pelaburan dalam R&D, perkongsian teknologi hijau, serta penambahbaikan rantai bekalan mesti dijadikan keutamaan.

15. Kepada para petani dan pengguna di lapangan, amalkan penggunaan racun berdaftar mengikut panduan label dan keperluan sebenar. Elakkan penyimpanan dan pelupusan tidak terkawal yang boleh mencemarkan tanah, air dan hasil tanaman. Sektor pertanian yang selamat bermula daripada amalan kita sendiri di ladang.
16. Kepada agensi kerajaan dan pihak akademia, teruskan kolaborasi bagi memperluas penyelidikan, latihan dan pendidikan awam berkaitan racun perosak lestari, termasuk penerapan teknologi digital dalam pemantauan dan pengesanan awal risiko.

Hadirin yang dihormati,

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pertanian atas penganjuran seminar ini, serta kepada semua peserta yang komited menjadikan isu keselamatan racun perosak sebagai agenda bersama.
18. Saya yakin seminar ini akan menjadi platform strategik untuk memperkukuh perkongsian ilmu, merangka dasar yang lebih progresif serta menyatukan usaha pelbagai pihak ke arah sistem pertanian yang selamat, berdaya saing dan berdaya tahan. Dengan penuh harapan dan doa, semoga segala inisiatif

ini membawa manfaat besar kepada petani, pengguna dan generasi masa depan negara

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pengurusan Racun Perosak Lestari Tahun 2025.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.